

**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)**  
[www.ijepc.com](http://www.ijepc.com)



## **KEPIMPINAN DISTRIBUTIF DENGAN KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL DALAM KALANGAN GURU PRASEKOLAH**

*DISTRIBUTIVE LEADERSHIP AND PROFESSIONAL LEARNING  
COMMUNITIES AMONG PRESCHOOL TEACHERS*

Norazera Rosmin<sup>1\*</sup>, Roslee Talip<sup>2</sup>, Juppri Bacotang<sup>3</sup>, Jaggil Apak<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan dan Pengajian Sukan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: norazera91@gmail.com

<sup>2</sup> Fakulti Pendidikan dan Pengajian Sukan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: roslee\_73@ums.edu.my

<sup>3</sup> Fakulti Pendidikan dan Pengajian Sukan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
Email: juppri@ums.edu.my

<sup>4</sup> SM Stella Maris, Kota Kinabalu, Sabah Malaysia  
Email: jaggillapak@gmail.com

\* Corresponding Author

### **Article Info:**

#### **Article history:**

Received date: 19.06.2025

Revised date: 15.07.2025

Accepted date: 25.08.2025

Published date: 19.09.2025

#### **To cite this document:**

Rosmin, N., Talip, R., Bacotang, J., & Apak, J. (2025). Kepimpinan Distributif Dengan Komuniti Pembelajaran Profesional Dalam Kalangan Guru Prasekolah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (59), 991-1001.

DOI: 10.35631/IJEPC.1059071

### **Abstrak:**

Kepimpinan distributif dilihat sebagai faktor penting dalam memperkuuh pelaksanaan komuniti pembelajaran profesional (PLC) dalam kalangan guru prasekolah. Komuniti pembelajaran profesional berperanan sebagai medium kolaboratif yang menyokong perkongesian ilmu, refleksi amalan dan peningkatan profesionalisme guru secara berterusan. Pendekatan kajian ini ialah pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan dengan soal selidik sebagai instrument utama melibatkan guru prasekolah daerah Kota belud negeri Sabah, Malaysia. Data mentah yang diperoleh seterusnya dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif dan analisis inferensi untuk mengetahui tahap dan hubungan antara kepimpinan distributif dan komuniti pembelajaran profesional. Dapatkan menunjukkan wujud hubungan yang signifikan antara kepimpinan distributif dengan komuniti pembelajaran profesional. Hasil kajian ini memberi gambaran bahawa usaha memperkuuh komuniti pembelajaran profesional memerlukan sokongan kepimpinan yang inklusif, budaya kolaboratif serta tahap keyakinan profesional yang tinggi dalam kalangan guru prasekolah di negeri Sabah. Implikasi kajian boleh dijadikan rujukan oleh pihak pentadbir sekolah, pembuat dasar dan penyelidik dalam usaha menambah baik kualiti pendidikan prasekolah secara holistik dan berkesan.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



### Kata Kunci:

Kepimpinan Distributif, Komuniti Pembelajaran Profesional, Guru Prasekolah

### Abstract:

Distributive leadership is seen as an important factor in strengthening the implementation of professional learning communities (PLC) among preschool teachers. Professional learning communities serve as collaborative mediums that support knowledge sharing, practice reflection and continuous improvement of teacher professionalism. The approach of this study is a quantitative approach through a survey method with a questionnaire as the main instrument involving preschool teachers in the Kota Belud district of Sabah, Malaysia. The raw data obtained was then analyse using descriptive statistics and inferential analysis to determine the level and relationship between distributive leadership and professional learning communities. The findings show that there is a significant relationship between distributive leadership and professional learning communities. The results of this study provide an impression that efforts to strengthen professional learning communities require inclusive leadership support, a collaborative culture and a high level of professional confidence among preschool teachers in the state of Sabah. The implications of the study can be used as a reference by school administrators, policy makers and researchers in efforts to improve the quality of preschool education holistically and effectively.

### Keywords:

Distributive Leadership, Professional Learning Communities, Preschool Teachers

## Pengenalan

Guru prasekolah memainkan peranan penting dalam membentuk asas pendidikan awal kanak-kanak. Dalam usaha menaik taraf kualiti pendidikan awal kanak-kanak, khususnya prasekolah di negeri Sabah, pendekatan komuniti pembelajaran profesional (PLC) merupakan salah satu inisiatif yang mampu mendorong pembangunan profesional guru secara berterusan dan bersifat kolaboratif. PLC ialah pendekatan strategik yang mendorong pembelajaran berterusan, kerjasama rakan sejawat serta refleksi amalan dalam kalangan guru (Zuhaila Za'aba, Bity Salwana, Mohd Izham, 2024). Namun begitu, penyelidikan tentang pelaksanaan PLC dalam kalangan guru prasekolah masih kurang mendapat perhatian dalam penyelidikan tempatan.

Objektif utama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ialah memastikan setiap sekolah di Malaysia dipimpin oleh pemimpin berprestasi tinggi seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, yang seterusnya merupakan pelan transformasi pendidikan ke arah pendidikan abad ke-21. Oleh itu, kepimpinan distributif adalah selari dengan kehendak kepimpinan pada peringkat Gelombang Kedua PPPM bermula 2016, iaitu kepimpinan berkualiti di sekolah melalui pelaksanaan pembangunan keupayaan yang merujuk kepada amalan di peringkat antarabangsa. Kepimpinan distributif pemimpin sekolah ialah salah satu inisiatif yang boleh menyumbang kepada budaya kolaborasi di sekolah melalui perkongsian kepimpinan secara kolektif, sekali gus meningkatkan penglibatan guru dalam membuat keputusan.

## Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti tahap kepimpinan distributif guru besar.
- ii. Mengenal pasti tahap komuniti pembelajaran profesional (PLC) dalam kalangan guru prasekolah di daerah Kota Belud, Sabah.
- iii. Mengenal pasti hubungan antara kepimpinan distributif dengan komuniti pembelajaran profesional (PLC) dalam kalangan guru prasekolah di daerah Kota Belud, Sabah.

## Sorotan Literatur

### ***Kepimpinan Distributif***

Kepimpinan distributif ialah rangka kerja, yakni peluang untuk berkongsi kepimpinan dan kolaboratif dalam membuat keputusan antara pemimpin dan pihak organisasi. Kepimpinan distributif merupakan satu aktiviti antara kumpulan organisasi di pelbagai peringkat untuk memimpin dan membudayakan kolaborasi dalam proses perubahan instruksional (Spillane, 2001). Sebelum model kepimpinan distributif dibuktikan, setiap organisasi mesti menunjukkan impak input guru kepada pemimpin dalam membuat keputusan serta memberi tanggungjawab kepada guru untuk menjalankan tugas kepimpinan berdasarkan peruntukan tugas (Angelle, 2010). Watson dan Scribner (2010) menjelaskan bahawa banyak sekolah gagal memberi kuasa kepada guru untuk melaksanakan peranan mereka. Guru diperuntukkan tugas dan peranan tanpa kuasa daripada pihak atasan. Oleh itu, pemimpin merupakan perbezaan utama antara pemberi peranan dan kepimpinan distributif. Orang yang diberi peranan itu sepatutnya mempunyai kuasa yang sama seperti orang yang memberikan peranan tugas (Angelle, 2010).

Masih terdapat jurang dalam pemahaman bagaimana setiap dimensi kepimpinan distributif menyumbang secara lansung kepada keberkesanan PLC. Menurut Gordon (2005) dimensi budaya sekolah adalah peramal tunggal terhadap pencapaian murid. Kajian di Malaysia seperti oleh Zalina (2022) menunjukkan terdapat dimensi lain seperti visi dan amalan kepimpinan yang turut signifikan. Manakala kajian oleh Siti Noor Ismail, Mohd Norakmar, Shabinar, Ahmad Faizuddin & Mohan (2022) mendapati dua dimensi utama kepimpinan distributif iaitu penetapan visi, misi dan objektif dan budaya sekolah menunjukkan jumlah yang kecil dalam menyumbang keberkesanan pelaksanaan PLC. Oleh itu, terdapat keperluan untuk meneliti semula dimensi kepimpinan distributif dalam konteks pendidikan tempatan bagi menjelaskan kerangka hubungan dengan pelaksanaan PLC dan impak kepada pencapaian murid. Justeru, kajian ini akan meneliti secara empirikal dimensi kepimpinan distributif yang paling signifikan dalam menyumbang pembangunan profesional guru secara berterusan.

Kajian ini mengaplikasikan konsep kepimpinan distributif yang dibangunkan oleh Hulpia, Devos dan Van Keer (2009) sebagai model utama dalam membentuk kerangka variabel kajian berkaitan kepimpinan distributif. Hal ini dikatakan demikian kerana Inventori Kepimpinan Distributif terdiri daripada tiga dimensi utama, iaitu sokongan, penyeliaan dan pemimpin yang koheren yang merupakan sumbangan penting kepada penyelidikan saintifik berkaitan kepimpinan.

### ***Komuniti Pembelajaran Profesional***

Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) ialah proses perubahan daripada guru yang bekerja secara bersendirian kepada guru yang bekerja secara kerjasama. Menurut Dufour *et al.* (2005), PLC memastikan semua murid belajar dan guru mesti bekerjasama untuk menambah baik

amalan bilik darjah mereka. Pemikiran yang mendalam digalakkan apabila guru saling mempersoalkan dalam usaha kolaboratif untuk meningkatkan pencapaian murid. Peserta PLC mesti memberi tumpuan kepada hasil serta cara meningkatkan pembelajaran murid. PLC juga memupuk budaya kolaboratif yang menggalakkan guru, murid, ibu bapa dan ahli komuniti untuk bekerjasama bagi meningkatkan kualiti pendidikan. Hasilnya, PLC bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan profesionalisme guru tetapi juga untuk memberi sokongan menyeluruh kepada pembangunan sekolah.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan PLC masih berdepan dengan pelbagai cabaran berdasarkan kajian-kajian lepas. Antara cabaran besar ialah pelaksanaan PLC di sekolah lebih tertumpu kepada peringkat menengah kerajaan (Adriana, 2020; Syed Syahrul, 2020; Muhammad Hayat Khan *et al.*, 2021; Azura Pun & Mahaliza Mansor, 2022; Za'aba *et al.*, 2024; Thay Sovannpitou & Sam Rany, 2024) dan sekolah rendah (Yee Bee Choo, 2020; Victor *et al.*, 2021; Wan Fadhlurrahman *et al.*, 2021; Mohd Hashiq Hashim, 2024), manakala penglibatan guru prasekolah masih kurang diberikan perhatian secara sistematik. Oleh itu, situasi ini menimbulkan tanda tanya tentang keberkesanan dan keberlangsungan pelaksanaan PLC dalam kalangan guru prasekolah bagi melihat impaknya terhadap pembelajaran awal kanak-kanak, iaitu murid-murid prasekolah khasnya di negeri Sabah. PLC yang dipilih dalam kajian ini ialah model yang dibina oleh Oliver, Hippy & Huffman (2003), yang mengenal pasti lima dimensi iaitu perkongsian kepimpinan dan sokongan, berkongsi visi dan nilai, aplikasi dan pembelajaran kolektif, perkongsian amalan terbaik dan keadaan yang menyokong sebagai atribut sekolah yang berjaya mengamalkan PLC.

## Metodologi Kajian

### *Reka Bentuk Kajian*

Kajian ini merupakan penyelidikan kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan. Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian untuk mendapatkan maklumat daripada responden mengenai kepimpinan distributif guru besar dan pelaksanaan PLC dalam kalangan guru prasekolah di daerah Kota Belud, Sabah. Analisis data dilakukan menggunakan kaedah analisis deskriptif dan analisis inferensi. Profil responden dijelaskan melalui analisis kekerapan dan peratusan. Bagi menjelaskan tahap kepimpinan distributif dan tahap PLC, pengkaji menggunakan purata min dan sisihan piawai. Hubungan antara kepimpinan distributif dan PLC dapat dijelaskan melalui analisis korelasi Pearson.

### *Populasi dan Sampel Kajian*

Menurut Ahmad (2015) mentakrifkan populasi adalah sekumpulan entiti, unsur, benda atau objek yang menjadi subjek kajian. Dalam kajian ini, populasi kajian terdiri daripada guru-guru yang mengajar di prasekolah KPM di sekolah rendah daerah Kota Belud iaitu seramai 130 yang terdiri daripada 130 buah kelas prasekolah di sekolah rendah. Saiz sampel dalam kajian ini ialah 97 orang guru prasekolah KPM dan penentuan saiz sampel ini adalah berdasarkan pengiraan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970).

### *Instrumen Kajian*


Borang soal selidik terdiri daripada tiga bahagian. Bahagian A terdiri daripada item demografi, iaitu aspek umur dan tempoh perkhidmatan. Bahagian B mengukur konstruk kepimpinan distributif adalah Model Kepimpinan Distributif yang mengandungi 16 item, manakala Bahagian C mengukur konstruk PLC (*Assesing and Analyzing Schools as PLCs*) mengandungi

15 item. Item dalam Bahagian B dan C menggunakan skala Likert lima mata, iaitu mata 1 mewakili kenyataan “Sangat Tidak Setuju”, mata 2 mewakili “Tidak Setuju”, mata 3 mewakili “Tidak Pasti”, mata 4 mewakili “Setuju” dan mata 5 mewakili “Sangat Setuju”.

Kesahan dan kebolehpercayaan digunakan dalam memastikan instrumen yang digunakan dapat mengukur kajian dan menjawab semua persoalan bagi mencapai objektif kajian. Item-item dalam soal selidik telah dirujuk kepada empat orang pakar bagi mendapatkan pengesahan kandungan soal selidik tersebut. Antara pakar yang telah dikenal pasti iaitu tiga orang pensyarah Universiti Malaysia Sabah (UMS), seorang pengetua di Sekolah Menengah Stella Marris Kota Kinabalu Sabah, yang mempunyai kelulusan PhD bidang pengurusan pendidikan.

### **Kerangka Konsep Kajian**

Berdasarkan tinjauan literatur kajian, kerangka kajian dibangunkan sebagai cara untuk menghubungkaitkan hubungan antara kepimpinan distributif dengan PLC. Kerangka kajian ditunjukkan dalam Rajah 1. Dalam kerangka ini, kepimpinan distributif merupakan pemboleh ubah bebas, manakala PLC pula merupakan pemboleh ubah bersandar. Hubungan antara pemboleh ubah kepimpinan distributif adalah berdasarkan model kepimpinan distributif Hulpia, Devos dan Van Keer (2009) dan PLC adalah berdasarkan dimensi pelaksanaan PLC oleh Oliver, Hippy & Huffman (2003).



**Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian**

### **Hasil Kajian**

#### **Tahap Kepimpinan Distributif**

Jadual 1 menunjukkan bahawa dimensi bagi sokongan mencatatkan min 4.22 (tinggi). Penyelian mencatatkan min 4.12 (tinggi) dan kepimpinan yang koheren adalah 4.02 (tinggi). Bagi ketiga dimensi ini sokongan mencatatkan min yang tertinggi dan kepimpinan yang koheren mencatatkan min yang rendah.

**Jadual 1: Skor Min Tahap Kepimpinan Distributif**

	Min	Sisihan piawai	Tahap
<b>Dimensi Sokongan</b>	4.2414	.73946	Tinggi
B1_Mengungguli visi jangka masa panjang			
B2_Membahaskan visi sekolah	4.0000	.96362	Tinggi
B3_Memberi galakan kepada guru	4.4828	.73779	Tinggi
B4_Menjelaskan kritikannya kepada guru	4.2759	.88223	Tinggi
B5_Membantu guru	4.3793	.90292	Tinggi
B6_Menjaga kebijakan guru	4.2414	.95076	Tinggi
B7_Mendorong guru untuk mengejar matlamat guru sendiri melalui pembelajaran profesional	4.2414	.91242	Tinggi
B8_Menggalakkan guru mencuba amalan baharu yang konsisten dengan minat guru itu sendiri	4.2069	1.01346	Tinggi
<b>Dimensi Penyelian</b>	4.3793	.67685	Tinggi
B9_Menilai prestasi guru			
B10_Terlibat dalam penilaian sumatif guru	4.2414	.68947	Tinggi
B11_Terlibat dalam penilaian formatif guru	4.2414	.68947	Tinggi
<b>Dimensi Kepimpinan yang Koheren</b>	4.3103	.84951	Tinggi
B12_Pentadbir befungsi dengan baik.			
B13_Pentadbir bertindak secara rasional	4.1034	.93903	Tinggi
B14_Pentadbiran menyokong matlamat yang ingin dicapai oleh guru.	4.1724	.88918	Tinggi
B15_Semua ahli pemimpin bekerjasama untuk mencapai objektif utama sekolah	4.4138	.68229	Tinggi
B16_Di sekolah individu yang tepat ditempatkan pada peranan yang sesuai dengan mengambil kira kebolehan dan kemahiran mereka	4.1724	1.13606	Tinggi

**Tahap Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC)**

PLC terdiri daripada 5 dimensi. PLC ini terdiri daripada perkongsian kepimpinan, perkongsian nilai dan visi, pembelajaran secara kolektif, perkongsian amalan profesional dan keadaan yang menyokong. Setiap dimensi ini telah dikenalpasti dan diperincikan bagi menentukan tahap PLC dalam kalangan guru prasekolah. Analisis data mengenai tahap PLC dalam kalangan guru prasekolah daerah Kota Belud secara keseluruhannya yang melibatkan 5 dimensi dijelaskan dalam jadual 2 di bawah.

**Jadual 2: Skor Min Tahap Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC)**

	Min	Sisihan piawai	Tahap
<b>Dimensi Perkongsian Kepimpinan</b>	3.9310	1.13172	Tinggi
E1_Guru terlibat secara konsisten dalam membincangkan isu-isu di sekolah			
E2_Guru besar mendengar pendapat guru-guru lain dalam membuat keputusan	4.0690	.92316	Tinggi
E3_Guru diberi sokongan untuk melaksanakan sesuatu perubahan	4.0345	.90565	Tinggi
<b>Dimensi Perkongsian Nilai dan Visi</b>	4.2414	.63556	Tinggi
E4_Guru berkolaboratif bagi berkongsi nilai bersama ahli organisasi			
E5_Guru membuat keputusan berdasarkan matlamat dan visi sekolah	4.1034	.72431	Tinggi
E6_Dasar dan program sekolah adalah selari dengan visi sekolah	4.0000	.84515	Tinggi
<b>Dimensi Pembelajaran Secara Kolektif</b>	4.1034	.72431	Tinggi
E7_Guru bekerjasama mencari pengetahuan, kemahiran dan strategi serta mengamalkannya dalam pekerjaan mereka.			
E8_Pembangunan profesional di sekolah memberi tumpuan kepada PdPc guru	4.0690	.84223	Tinggi
E9_Guru berkolaboratif untuk belajar bersama dan menggunakan pengetahuan baru untuk menyelesaikan masalah.	4.2759	.59140	Tinggi
<b>Dimensi Perkongsian Amalan Profesional</b>	4.2069	.67503	Tinggi
E10_Guru berpeluang untuk memerhati dan membantu rakan lain.			

E11_Guru berpeluang untuk memberi maklum balas berkaitan dengan amalan pengajaran guru lain	3.8966	.81700	Tinggi
E12_Guru berpeluang untuk mengamalkan amalan baharu dan berkongsi keputusan daripada amalan tersebut	4.1034	.72431	Tinggi
<b>Dimensi Keadaan yang Menyokong</b>	4.3793	.62185	Tinggi
E13_Hubungan antara guru dan ahli organisasi wujud berdasarkan kepercayaan dan rasa hormat.			
E14_Pencapaian cemerlang ahli organisasi di sekolah diberi pengiktirafan	4.2414	.63556	Tinggi
E15_Guru berkolaboratif untuk mewujudkan perubahan yang lebih baik ke dalam budaya sekolah.	4.2414	.57664	Tinggi

### ***Hubungan Kepimpinan Distributif Dengan Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC)***

Jadual 3 menunjukkan antara kepimpinan distributif dengan PLC. Hasil dapatan menjelaskan terdapat hubungan yang signifikan antara kepimpinan distributif dengan PLC guru prasekolah ( $r=-0.697^{**}$ ,  $p=<.05$ ) dengan tahap hubungan kuat.

**Jadual 3: Hubungan Kepimpinan Distributif dengan Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC)**

		Kepimpinan Distributif	PLC
Kepimpinan Distributif	Pearson Correlation	1	.697 <sup>**</sup>
	Sig. (2-tailed)		<.001
	N	100	100
PLC	Pearson Correlation	.697 <sup>**</sup>	1
	Sig. (2-tailed)	<.001	
	N	100	100

\*\*. Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

#### Jadual 4: Interpretasi Hubungan Pekali (r)

Nilai Pekali 'r'	Kekuatan Perhubungan
0.81 -1.00	Sangat Kuat
0.61 - 0.80	Kuat
0.41 - 0.60	Sederhana kuat
0.21 - 0.40	Lemah
0.01 - 0.20	Sangat lemah/ Boleh Diabaikan

Sumber: Cohen et al. (2007)

#### Perbincangan Kajian

Lima dimensi PLC yang terdiri daripada dimensi perkongsian kepimpinan, perkongsian nilai dan visi, pembelajaran secara kolektif, perkongsian amalan profesional serta keadaan yang menyokong mampu meningkatkan kompetensi guru bagi mewujudkan murid yang mencapai aspirasi murid dalam PPPM 2013-2025 bagi meningkatkan kualiti pendidikan prasekolah. Salah satu aspek yang ditekankan melalui pembangunan profesional guru di sekolah ialah Latihan dalam Perkhidmatan (LDP). Berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Awam (PKPA) Bil. 6/2005 menjelaskan bahawa setiap pemimpin sekolah perlu memastikan setiap anggota kakitangan di sekolah mengikuti kursus sekurang-kurangnya tujuh hari setahun (Noor Lela, Haryanti, Hazianti, 2014). Justeru itu, pelaksanaan PLC di sekolah dapat memenuhi syarat kursus tersebut di samping membentuk budaya kolaboratif yang berkongsi kepakaran, kemahiran dan pengetahuan untuk mencapai visi dan matlamat yang sama (Mohd Hashiq Hashim, 2024). Selain itu, PLC juga merupakan cara berkesan untuk meningkatkan kemahiran dan keyakinan diri guru dalam penambahbaikan amalan di bilik darjah (Victor Jibson, Anthony Idi, Zuraidah Abdullah & Husaina Banu Kenayathulla, 2021). Oleh yang demikian, kajian lepas oleh Lee & Louis (2019) menekankan bahawa kepimpinan distributif membentuk budaya organisasi yang menyokong pelaksanaan PLC secara berkesan, di samping guru yang terlibat dalam membuat keputusan dan diberi tanggungjawab kepimpinan menunjukkan tahap penglibatan PLC yang lebih tinggi.

#### Implikasi Kajian

Implikasi berdasarkan hasil kajian ini dibincangkan bagi meningkatkan keberkesanan tahap kepimpinan distributif yang tinggi dalam kalangan pemimpin sekolah mendorong kepada kesan positif terhadap pelaksanaan PLC guru prasekolah daerah Kota Belud. Justeru, kepimpinan distributif perlu diinstitusikan secara menyeluruh sebagai pendekatan strategik dalam pembangunan kapasiti guru prasekolah, khusunya di luar bandar yang sering berdepan kekangan sumber dan sokongan.

#### Kesimpulan

Kajian ini mengesahkan bahawa kepimpinan distributif mempunyai hubungan yang signifikan dan positif terhadap pelaksanaan Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) dalam kalangan guru prasekolah. Pengagihan kuasa dan tanggungjawab secara kolektif bukan sahaja meningkatkan penglibatan guru dalam aktiviti kolaboratif, malah memperkuatkan budaya sekolah yang menyokong pembelajaran berterusan. Oleh itu, dalam usaha memperkasakan pendidikan awal kanak-kanak, amalan kepimpinan distributif wajar diterapkan secara strategik bersama sokongan budaya organisasi dan efikasi kendiri guru yang mantap.

## Penghargaan

Penulis merakamkan ribuan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS), Universiti Malaysia Sabah (UMS), penyelia, keluarga, rakan-rakan seperjuangan dan semua yang terlibat dalam penulisan jurnal ini.

## Rujukan

- Abduliah dan Datin Rahimah Hj Ahmad, Z. (n.d.-a). Komuniti Pembelajaran Profesional: Satu Kajian Perbandingan Antara Sekolah Menengah Kebangsaan Harian Biasa dan Sekolah Menengah Kebangsaan Anugerah Cemerlang 2007.
- Ahmad, S., & A. Hamid, A. H. (2021). Amalan Kepimpinan Distributif Guru Besar Terhadap Efikasi Kendiri dalam kalangan Guru Prasekolah. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 6(1), 140–150. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i1.609>
- Anderson, S. G., & Olivier, D. F. (n.d.). A Quantitative Study of Schools as Learning Organizations: An Examination of Professional Learning Communities, Teacher Self-Efficacy, and Collective Efficacy (Vol. 7).
- Antinluoma, M., Ilomäki, L., & Toom, A. (2021). Practices of Professional Learning Communities. Frontiers in Education, 6. <https://doi.org/10.3389/feduc.2021.617613>
- Barton, R., & Stepanek, J. (2012). The Impact of Professional Learning Communities. [www.nassp.org](http://www.nassp.org).
- Choo, Y. B. (n.d.-b). Penggunaan Komuniti Pembelajaran Profesional dalam Perubahan Guru Melalui Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) di Sekolah Rendah Malaysia Reflective Thinking View project Reflective Practice View project. <https://www.researchgate.net/publication/338924023>
- Demarco, A. L. (2018). The Relationship Between Distributive Leadership, School Culture, and Teacher Self-Efficacy at the Middle School Level. <https://scholarship.shu.edu/disser>
- Digital Scholar, M., & East, K. A. (2015a). A Study of Professional Learning Communities: Characteristics of Implementation and Perceived Effectiveness in Improvement Schools in West Virginia. In Theses, Dissertations and Capstones. <http://mds.marshall.edu/etd>
- Fulton, K., & Britton WestEd, T. (2011). STEM Teachers in Professional Learning Communities: From Good Teachers to Great Teaching. [www.nctaf.org](http://www.nctaf.org)
- Hamzah, M. I. M., & Jamil, M. F. (2019a). The Relationship of Distributed Leadership and Professional Learning Community. Creative Education, 10(12), 2730–2741. <https://doi.org/10.4236/ce.2019.1012199>
- Ibrahim, N. A., Hamzah, M. I. M., & Wahab, J. L. A. (2019a). The Relationship between Leadership Style of High Performance School towards Professional Learning Community (PLC). Creative Education, 10(12), 2742–2749. <https://doi.org/10.4236/ce.2019.1012200>
- Ismail, S. N., Omar, M. N., Halim, S. A., Faizuddin, A., & Rathakrishnan, M. (2022b). The impact of headmaster distributive leadership towards professional learning communities. International Journal of Evaluation and Research in Education, 11(4), 2106–2113. <https://doi.org/10.11591/ijere.v11i4.23239>
- Kusaini, E. A., Dato', S., Rahman Ya'kub Kementerian, A., & Malaysia, P. (2018). TAHAP KESEDIAAN GURU CEMERLANG BAHASA MELAYU TERHADAP PELAKSANAAN KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL DI SEKOLAH MENENGAH DI NEGERI MELAKA. In Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPB (Malay Language Education Journal-MyLEJ (Vol. 8, Issue 1)).

- Puspanathan Mayan, M., & Mansor, M. (2020b). Hubungan Antara Amalan Kepimpinan Distributif Dengan Efikasi Kendiri dan Komuniti Pembelajaran Profesional Guru di Kuala Lumpur The Relationship Between Distributive Leadership Practice and Self-Efficacy and Learning Community Professional Teachers in Kuala Lumpur. Management Research Journal, 9(2), 70–83.  
<https://doi.org/10.37134/mrj.vol9.2.6.2020>
- ScholarWorks, S., & Devon Carter-Sims, A. (n.d.). Early Childhood Teachers' Perceptions of Professional Learning Early Childhood Teachers' Perceptions of Professional Learning Communities Communities. <https://scholarworks.waldenu.edu/dissertations>
- Syed Abdullah, S. S. Z. (2020a). The Influence of Distributed Leadership on Professional Learning Community among Secondary School Leaders in The State of Johore/Pengaruh Kepimpinan Distributif Terhadap Komuniti Pembelajaran Profesional Dalam Kalangan Pemimpin Sekolah Menengah Di Negeri Johor. Sains Humanika, 12(2–2).  
<https://doi.org/10.11113/sh.v12n2-2.1780>
- Zakaria, I., Mat Yasim, J., Yaman, M., Nazir, J., & Pendidikan Malaysia Mohamed Yusoff Mohd Nor, K. (2021). HUBUNGAN DAN PENGARUH PROFESIONALISME GURU TERHADAP KEMENJADIAN MURID DI SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN. In ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J) (Vol. 4, Issue 2).